



27 Julai 2023
27 July 2023
P.U. (B) 293

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 385/1987*] yang disiarkan dalam *Warta* Persekutuan pada 16 Julai 1987, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan Tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk tangki Menara Simpanan Air dan telah menetapkan bahawa Jurutera Penguasa, Jabatan Bekalan Air, Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pewakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 24 Ogos 2023 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bandar : Kuala Lumpur

No. Pelan : P.A. 51065

No. Lot : 996

Seksyen : 69

Luas : 2,099 kaki persegi

Bertarikh 21 Jun 2023

[PTG/WP(S).100-2/17/2/1 Jld 14; PTGKL/11/BPRZ/2022/8(9); PN(PU2)213/JLD. 114]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by the Reservation of Land for Public Purpose [*P.U. (B) 385/1987*] published in the *Gazette* of the Federation on 16 July 1987, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the Federal Land described in the Schedule for a public purpose of a site for an Elevated Water Tank and has designated that the Superintendent Engineer, Waterworks Department, Selangor shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order, 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 108/2003*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur gives notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur in relation to the proposed revocation will be held at the Office of the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 9.00 a.m. until 4.00 p.m. on 24 August 2023 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Kuala Lumpur

Town : Kuala Lumpur

Plan No. : P.A. 51065

Lot No. : 996

Section : 69

Area : 2,099 square feet

Dated 21 June 2023

[PTG/WP(S).100-2/17/2/1 Jld 14; PTGKL/11/BPRZ/2022/8(9); PN(PU2)213/JLD. 114]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of Kuala Lumpur